

RUMAH BULUH, SATU WARISAN SENIBINA TERTUA DI NEGERI PERAK.

Kajian akhir ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi syarat mata pelajaran 'HISTORY OF ARCHITECTURE'

Disediakan oleh :-

Nama : Anuarol Khairi bin Saad.

I/C ITM : 8706673.

Kursus : Diploma Senibina.

Tahun : 04

Semester : 08

Kajian : Senibina, perancangan dan ukur (KSPU)

ISI KANDUNGAN-

TAJUK	MUKA SURAT
Prakata	i
Penghargaan	iii
BAB 1	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Rumah Buluh Sebagai Rumah Kutai Di Perak	3
1.2 Senibina Rumah Buluh	8
BAB 2	
2.0 Sejarah Awal Negeri Perak	12
2.1 Sejarah Ringkas Kuala Kangsar	15
2.2 Sejarah Kampung Kota Lama Kiri	17
BAB 3	
3.0 Pengaruh-Pengaruh Yang Membentuk Senibina Rumah Buluh Secara Am.	
3.1 Pengaruh Iklim.	20
3.2 Pengaruh Topografi	23
3.3 Pengaruh Keturunan, Agama Dan Adat	25

PRAKATA

Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur (KSPU) sememangnya telah berhasrat untuk mengumpul seberapa banyak kertas kerja yang berbentuk ilmiah bagi menjadikan sebagai panduan kepada para pelajar di masa yang akan datang. Kajian akhir ini dibuat mengenai perkara-perkara yang berunsurkan aspek-aspek senibina di zaman silam yang semakin pupus.

Kajian mengenai warisan sejarah dan kebudayaan Melayu memang banyak dilakukan sejak dari dahulu lagi dan ianya masih berterusan sehingga sekarang. Pada kebiasaannya skop kajian sejarah yang diamalkan di negara ini lebih bertumpu kepada sesuatu aspek seperti aspek politik, ekonomi dan kebudayaan samasa. Amat kurang kajian dilakukan kepada sejarah senibina, kejuruteraan dan agama. Justeru itu penulis mengambil kesempatan ini untuk mengkaji mengenai rumah buluh yang merupakan salah satu daripada senibina yang tertua di negeri Perak.

Dalam pelaksanaan kertas kajian ini penulis juga menghadapi berbagai masalah, dengan itu secara tidak langsung penulis tidak dapat menumpukan masa sepenuhnya bagi melahirkan satu kertas kajian yang benar-benar memuaskan dan lengkap.

PENGHARGAAN

"Sesungguhnya didalam kehidupan kita seharian, kita tidak dapat lari daripada bergantung dan berhubung sesama insan yang lain. Konsep hidup ini tidak boleh hanya tertumpu pada sifat-sifat keindividual sahaja kerana hidup ini adalah satu arah atau perjalanan yang harus ditempuhi dan dilalui bersama-sama insan lain yang hidup di muka bumi Allah S.W.T ini".

Untuk menghasilkan sebuah kertas kerja yang menggambarkan satu komuniti dan senibina tradisi dalam bentuk asli tidaklah semudah yang disangkakan. Ianya memerlukan kerjasama serta penglibatan yang bersungguh-sungguh dari penulis, penduduk tempatan, tuan rumah kajian mahupun badan-badan tertentu. Di sini penulis ingin memberi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Amran (pensyarah penasihat) yang telah memberi tunjuk ajar dan panduan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga di berikan pada nama-nama yang dinyatakan dibawah ini kerana sumbangan mereka bagi menjayakan kertas kajian ini.

PENGENALAN

Kajian akhir ini merupakan salah satu daripada syarat sebagai memenuhi kehendak Jabatan Senibina bagi penganugerahan diploma kepada pelajar-pelajar tahun akhir diploma senibina. Topik kajian yang dipilih adalah mengenai senibina rumah buluh. Topik ini dipilih adalah diatas kesedaran penulis terhadap betapa pentingnya semua golongan masyarakat untuk mengetahui tentang senibina tradisional di Malaysia yang semakin pupus. Kajian ini dibuat sebagai memperkenalkan semula dan melihat secara ringkas satu bentuk rumah tertua di negeri Perak.

Antara lain tujuan kajian ini dibuat adalah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada badan-badan tertentu. Antaranya adalah Badan Warisan Malaysia, Muzium Malaysia, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan juga kepada para pelajar ITM sendiri.

Rumah-rumah tertua di negeri Perak dikenali sebagai "Rumah Kutai". Kebanyakan rumah-rumah ini terdapat di tebing Sungai Perak. Rumah kutai kurang dikenali oleh masyarakat luar berbanding dengan rumah-rumah tradisional yang lain. Ianya kurang dikenali kerana penempatan rumah-rumah tersebut adalah terhad di